



الجامعة
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Bahagian
Hal Ehwal Islam

MAU'IZAH موعظة

BAHAGIAN HAL EHWAL ISLAM

SIRI 3



DEFINISI MERDEKA

- Bebas daripada penjajahan, kurungan, naungan dan sebagainya.
- Bermaksud lepas daripada tebusan atau tuntutan serta berdiri sendiri dan tidak bergantung pada yang lain.
- “Kemerdekaan, ialah bahawa engkau rasai dengan perasaan yang jemih, hak yang perlu engkau ketahui, dan waktu itu engkau rasai apa pula kewajipan kepada orang lain. Engkau merdeka dan bebas mengembangkan sayap, menurutkan kemahuan hati, untuk membuktikan bahawa engkau berhak. Engkau boleh mengeluarkan apa yang terasa di hatimu, asal engkau hormati pula kemerdekaan orang lain dan engkau bayarkan kewajipan yang diminta oleh masyarakat kepada engkau”. (**Buya Hamka**)
- “Perjuangan membebaskan tanah air harus segera disusuli dengan perjuangan memerdekakan minda (Istiqlal al-‘aql). Apalah erti kemerdekaan bumi pertiwi, jika rakyat peribuminya masih tetap ber-minda anak jajahan. Membangkitkan jiwa merdeka adalah agenda terpenting yang tidak boleh dikompromikan”. (**Malik Bennabi**)

CIRI-CIRI INSAN, MASYARAKAT & NEGARA MERDEKA

INSAN MERDEKA

- Beriman Kepada Allah.
- Memahami Nilai Dunia Yang Sementara.
- Melaksanakan Perintah Allah dan Meninggalkan Larangannya.
- Berakhlak Mulia.

MASYARAKAT MERDEKA

- Menghormati Antara Satu Sama Lain.
- Mengutamakan Kepentingan Umum Berbanding Individu.
- Berintegriti Dan Beretika Dalam Organisasi.

NEGARA MERDEKA

- Bebas Daripada Penjajahan Kuasa Asing.
- Diiktiraf Negara Luar dan Mempunyai Hubungan Diplomatik.
- Identiti Sendiri (Ideologi, Bendera, Jata)

KEMERDEKAAN (PERSPEKTIF SYARIAH)

KEMERDEKAAN DALAM PANDANGAN SYARIAH ADALAH KEBEBASAN YANG TERANGKUM DALAM EMPAT ASPEK: ASPEK KEHENDAK (MASYI'AH), ASPEK KEYAKINAN (I'TIQAD), ASPEK PERKATAAN (AQWAL) DAN ASPEK PERBUATAN (AF'AL) YANG SEMUANYA TUNDUK KEPADA KEHENDAK SYARIAH.

لَقَدْ كَانَ لِسَبَإٍ فِي مَسْكِنِهِمْ آيَةٌ جَنَّتَانِ عَنْ يَمِينٍ وَشِمَالٍ كُلُّوا مِنْ
رَزْقِ رَبِّكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ، بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبِّ غَفُورٌ ﴿١٥﴾

Demi sesungguhnya, adalah bagi penduduk negeri Saba', satu tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) yang terdapat di tempat tinggal mereka, iaitu: dua kumpulan kebun (yang luas lagi subur), yang terletak di sebelah kanan dan di sebelah kiri (kampung mereka). (Lalu dikatakan kepada mereka): "Makanlah dari rezeki pemberian Tuhan kamu dan bersyukurlah kepadaNya; (negeri kamu ini adalah) negeri yang baik (aman dan makmur), dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan yang Maha Pengampun!. (Surah Saba': 15)

"HAKIKAT BALDATUN THAYYIBATUN WA RABBUN GHAFUR MERUPAKAN KEADAAN NEGARA YANG MENJADI DAMBAAN DAN IMPIAN SELURUH MANUSIA"





UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Bahagian
Hal Ehwal Islam

Bahagian Hal Ehwal Islam

Pejabat Naib Canselor

Masjid Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin

Universiti Teknologi MARA

40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tel: +603-55442350

Faks: +603-55435635

